

14 Jan., 2021

## **Kesan penyekatan virus korona baru(SARS-CoV-2) yang diperakui oleh pendingin hawa Panasonic dengan nanoe™ X**

**Kuala Lumpur, Malaysia** - Panasonic Malaysia hari ini mengumumkan bahawa kesan perencatan terhadap virus korona baru (SARS-CoV-2) oleh pendingin hawa dengan nanoe™ X telah diperakui oleh Texcell\*<sup>1</sup>, sebuah organisasi kontrak penyelidikan antarabangsa. Texcell mengesahkan 91.4% kesan penyekatan virus korona baru dalam jarak 6.7m<sup>3</sup> dalam tempoh 8 jam.

nanoe™ X adalah teknologi yang mengumpulkan kelembapan yang tidak dapat dilihat di udara dan menggunakan voltan tinggi untuk menghasilkan “hidroksil radikal yang terkandung di dalam air”. Hidroksil radikal menghalang pertumbuhan bahan pencemar seperti bakteria dan virus. Ia dicirikan sebagai oksidatif yang kuat dan sangat reaktif, namun jangka hayatnya pendek. Terkandung dalam zarah-zarah air yang kecil, nanoe™ X mempunyai jangka hayat yang panjang dan dapat tersebar pada jarak yang jauh. Ia mempunyai dwi-kesan perencatan samada melalui udara atau bahan melekat.

Pada September 2020, Panasonic dengan kerjasama Texcell\*<sup>1</sup> telah mengesahkan kesan perencatan teknologi nanoe™ X dengan kelebihan hidroksil radikal terhadap virus korona baru dalam ruangan ujian yang kecil 45L dengan menggunakan penjana nanoe™ X. Untuk penyelidikan lanjut, Panasonic telah menguji penggunaan pendingin hawa dengan nanoe™ X di ruangan yang lebih besar. Walaupun dalam situasi yang mencabar, Texcell kini telah mengesahkan bahawa nanoe™ X mempunyai 91.4% kesan perencatan pada virus korona baru di ruangan sebenar seluas 6.7m<sup>3</sup> dalam tempoh 8 jam menggunakan pendingin hawa dengan nanoe™ X. Ujian ini dilakukan di dalam persekitaran makmal tertutup dan tidak direka untuk penilaian di ruang kediaman yang tidak terkawal.

Panasonic telah meneliti Teknologi nanoe™ selama 20 tahun sejak tahun 1997 dan telah mengesahkan keberkesannya dalam pelbagai bidang, termasuk menghalang mikroorganisma patogen (bakteria, kulat dan virus) dan alergen, serta memecah komponen PM 2.5 yang mempunyai kesan buruk pada badan manusia\*<sup>2</sup>.

Panasonic akan terus memanfaatkan potensi teknologi nanoe™ X untuk menangani kemungkinan risiko yang berkaitan dengan pencemaran udara seperti mikroorganisma patogen yang baru, serta untuk mewujudkan persekitaran yang sihat untuk manusia diseluruh dunia.

### **Untuk rujukan:**

Menguji kesan perencatan oleh pendingin hawa dengan nanoe™ X pada korona virus baru (SARS-CoV-2) dalam ruangan seluas 6.7m<sup>3</sup>.

- **Gambaran keseluruhan**

Perbandingan dilakukan di ruangan seluas 6.7m<sup>3</sup> yang mengandungi virus korona baru (SARS-CoV-2).

- **Hasil ujian**

Lebih 91% aktiviti virus korona baru (SARS-CoV-2) direncatkan dalam tempoh 8 jam.

Nota: Ujian ini dirancang untuk menghasilkan data penyelidikan asas mengenai kesan nanoe™ X pada virus korona baru dalam persekitaran makmal dan berbeza dengan persekitaran di tempat kediaman.

- **Kaedah dan data**

Organisasi : Texcell (Perancis)

Subjek : Virus Korona Baru (SARS-CoV-2)

Peranti : Pendingin hawa dengan nanoe™ X

Kaedah :

- Pendingin hawa dengan nanoe™ X dipasang di ruangan seluas 6.7m<sup>3</sup>.
- Kain kasa tepu dengan larutan SARS-CoV-2 didedahkan kepada alat pendingin hawa nanoe™ X dari jarak 0.7m di bilik seluas 6.7m<sup>3</sup> selama 24 jam.
- Kadar jangkitan virus diukur dan digunakan untuk mengira kadar perencatan.

- **Hasil ujian**

Subjek ujian	Kadar perencatan	Kapasiti	Jangka masa
SARS-CoV-2	42.4%	6.7 m <sup>3</sup>	4 jam
SARS-CoV-2	91.4%	6.7 m <sup>3</sup>	8 jam
SARS-CoV-2	99.7%	6.7m <sup>3</sup>	24 jam

**Nota:**

\*1: Texcell adalah organisasi penyelidikan kontrak global yang berkepakaran dalam ujian virus, pelepasan virus, imunoprofil dan R&D atau perbankan sel GMP, untuk projek R&D, GCIP, GLP dan GMP.

Dengan pengalaman lebih dari 30 tahun dan berlatar belakangkan Institut Pasteur di Paris, Texcell mempunyai kepakaran yang telah lama diakui dalam ujian virus dengan pelbagai protokol untuk mengesan agen-agen asing.

Texcell adalah syarikat hiliran (spin-off) pertama Institut Pasteur di Paris yang ditubuhkan pada tahun 1997.

\*2: Hebahan utama berkenaan kes-kes pengesahan

- 12 Mei, 2009: Kesan positif zarah air tercas kepada virus, bakteria dan bahan kimia pertanian telah disahkan.

- 20 Oktober, 2009: Kesan perencatan virus influenza baru dari zarah-zarah air tercas telah disahkan.

- 20 Februari, 2012: Kesan pengurangan zarah air tercas terhadap alergen, bakteria, kulat dan virus yang berkaitan dengan haiwan peliharaan telah disahkan.

- 16 Januari, 2014: Zarah air atomisasi elektrostatik bersaiz nano secara efektif memecahkan komponen PM2.5 dan menghalang pertumbuhan kulat yang melekat pada pasir kuning.

## Hubungan Media

### **Chew Keng Heng**

Pengurus Besar

Jabatan Inovasi Pemasaran

#### **Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.**

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

Pejabat: +603-7809 7677

Email: [kengheng.chew@my.panasonic.com](mailto:kengheng.chew@my.panasonic.com)

### **Mazlee Mokhtar**

Pengurus, Komunikasi Korporat

Jabatan Inovasi Pemasaran

#### **Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.**

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

Pejabat: +603-7809 7877

Email: [mazlee.mokhtar@my.panasonic.com](mailto:mazlee.mokhtar@my.panasonic.com)

## **Mengenai Panasonic**

Panasonic Corporation adalah peneraju dunia dalam pembinaan pelbagai teknologi dan solusi elektronik untuk pelanggan dalam elektronik konsumer, perumahan, automotif, dan B2B. Panasonic Corporation, yang menyambut ulang tahun ke-100 pada tahun 2018, telah berkembang secara global dan kini mengendalikan 528 anak syarikat dan 72 syarikat bersekutu di seluruh dunia, mencatatkan penjualan bersih gabungan sebanyak 7.49 trilion yen untuk tahun yang berakhir pada 31 Mac 2020. Komited untuk mencipta nilai baru melalui inovasi di pelbagai bidang, syarikat menggunakan teknologinya untuk mencipta kehidupan dan dunia yang lebih baik untuk pelanggannya. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Panasonic: <https://www.panasonic.com/global>.

## **Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd**

Panasonic Malaysia Sdn Bhd adalah syarikat penjualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk produk elektrik dan elektronik jenama Panasonic termasuklah produk audio visual, perkakas rumah, penghawa dingin, kualiti udara dalaman, sistem solar, kamera digital & video, peralatan penyiaran profesional, sistem solusi, telekomunikasi, penjagaan kesihatan & kecantikan, bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati melalui pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai jenama dan produk Panasonic, kunjungi laman web kami di [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600